

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA**  
**MALAM MESRA MEDIA UniMAP 2011**  
**22 JULAI 2011\*HOTEL PUTRA PALACE\***

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa UniMAP)

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) merangkap Komandan SUKSIS UniMAP

Yang Dihormati, Encik Adnan Jahaya, Pengerusi Kelab Media Perlis (KEMPs)

Yang Dihormati, Puan Munah Binti Madar, Pengarah Penyiaran Negeri Perlis

Pegawai-pegawai Utama UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain, Penolong Naib Canselor Komunikasi Korporat UniMAP,

Yang Berusaha, Prof. Madya Dr. Zainab Hamzah, Pengarah Unit Media, UniMAP.

Dekan-dekan dan Ketua-ketua jabatan,

Warga-warga Media yang diraikan, Seterusnya hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**Ke Pekan Kuala membeli bingka,  
Sayang pesanan terlupa sudah;  
Majlis bermula tirai dibuka,  
Dengan alunan madah yang indah.**

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya jua, dapatlah kita bersama-sama pada majlis Malam Mesra Media UniMAP 2011 pada malam ini.

Sesungguhnya, saya berasa amat berbesar hati untuk menganjurkan majlis seumpama ini sebagai satu bentuk ucapan terima kasih dan penghargaan saya buat warga media di negeri Perlis yang sentiasa membantu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) selama ini.

komitmen dan kerjasama yang anda memberikan berjaya membantu UniMAP menempatkan diri sebagai antara universiti terbaik di Malaysia. Alhamdulillah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Hubungan akrab antara media dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terutama UniMAP banyak membantu masyarakat memahami isu yang dialami pengurusan universiti malah membantu pembuat dasar dan kerajaan untuk merangka perancangan di masa depan.

Sebagai sebuah IPTA baru, sememangnya UniMAP amat mengharapkan hubungan baik dengan pihak media dapat terus dipupuk demi kebaikan bersama.

Insyallah, UniMAP akan terus mengamalkan sikap telus dalam pengurusan agar media mendapat maklumat secukupnya mengenai perkembangan terkini universiti ini dengan tepat dan betul.

Sejak 9 tahun lalu, UniMAP berjaya membuktikan kemampuan sebagai universiti yang terkehadapan terutama dalam kategori Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) melalui perkembangan program akademik, penyelidikan, serta pengkhususannya yang cekap dan dinamik selaras matlamat penubuhan UniMAP.

Lebih membanggakan lagi, pada tahun ini kita menerima perkhabaran yang cukup menggembirakan apabila UniMAP tersenarai sebagai enam universiti terbaik di Malaysia jika diukur melalui pencapaian My Research Assessment atau MyRA.

UniMAP telah diberikan penarafan 4 bintang bagi kategori universiti berfokus untuk tahun 2008 hingga 2010 sekaligus memperbaiki pencapaian pada tahun 2007-2009 iaitu hanya tiga bintang.

Pencapaian ini adalah sesuatu yang amat membanggakan UniMAP apatah lagi lima universiti yang mengungguli kedudukan lima teratas merupakan Universiti Penyelidikan iaitu Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sepanjang usia 9 tahun ini, sememangnya para pengamal media dilihat telah banyak membantu dalam memberi pendedahan melalui berita mengenai hasil-hasil kajian baru, perkembangan universiti termasuklah penubuhan fakulti, jabatan dan program-program baru.

Tentu sekali, peranan Unit Media dalam bertindak sebagai 'pengantara' antara universiti dan media banyak membantu dalam menghasilkan hubungan kerja yang positif.

Namun, perlu diakui masih lagi terdapat ruang yang boleh diperbaiki dalam usaha mewujudkan hubungan positif antara media dan UniMAP. Dalam konteks ini, kedua-dua pihak perlu mengakui terdapat kekurangan yang boleh diperbaiki untuk meningkatkan hubungan kerja yang lebih positif untuk kebaikan bersama.

Justeru, dikesempatan ini, saya mengharapkan para pengamal media di Perlis beralih ke aspek pelaporan rencana terutama berkaitan aspek penyelidikan dan inovasi. Sebagai sebuah IPTA berteraskan kejuruteraan, UniMAP mempunyai bilangan penyelidik yang tinggi serta berjaya meraih pelbagai pingat dalam pertandingan peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Saya yakin, para penyelidik di UniMAP bersedia memberikan kerjasama yang sebaiknya untuk membantu anda dalam penulisan rencana. Sehingga kini, pemberitahuan kepada masyarakat mengenai kejayaan penyelidikan di UniMAP masih di tahap biasa dan besarlah harapan kami agar pihak media dapat membantu menetengahkan produk yang kami hasilkan.

Ia bukan sahaja dapat membantu meningkatkan reputasi penyelidik tetapi juga nama baik universiti. Pendedahan positif

mengenai hasil sesuatu penyelidikan universiti melalui media akan dapat menarik minat pihak luar untuk membiayai sesuatu penyelidikan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Aspek laporan berita merupakan cerminan imej dan boleh mempengaruhi pandangan masyarakat luar apatah lagi UniMAP berada dalam “sektor perniagaan pendidikan” yang mana pelajar merupakan nilai utama kami. Laporan berita negatif boleh mempengaruhi jumlah kemasukan pelajar ke UniMAP.

Justeru, saya amat mengharapkan rakan-rakan media terus melaporkan sesuatu yang positif mengenai UniMAP agar kami terus berusaha menempatkan diri sebagai antara universiti pilihan pelajar.

Dapatkanlah maklumat yang tepat dari pihak pengurusan Universiti atau Unit Media sekiranya terdapat isu-isu sensitif agar dapat kami memberikan penjelasan yang sewajarnya.

Namun, saya amat yakin dan percaya, pengamal media di Perlis sentiasa adil dan telus dalam melaporkan berita-berita mengenai UniMAP dan saya percaya kita boleh bergerak bersama untuk menangani pihak-pihak yang gemarkan teori konspirasi dan khabar angin.

Akhir kata, saya amat mengharapkan hubungan dan kerjasama antara UniMAP dan Media akan dapat dieratkan lagi di masa-masa akan datang.

Sebelum mengakhiri ucapan, terimalah serangkap pantun penutup dari saya :

**Permata hitam jatuh ke rumput  
Jatuh ke rumput berbilang-bilang  
UniMAP dan Media tak mungkin kan luput  
Dalam hati tidakkan hilang**

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima kasih.